

## **Cabaran, Peluang dan Ruang Dalam Pilihan Raya Umum ke-13: Satu Penilaian Terhadap Parti-parti Yang Bertanding**

Mujibu Abd Muis

Universiti Teknologi MARA (UiTMT), Faculty of Administrative Science & Policy Studies  
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia  
Tel: 60-9-8401869 E-mail: [mujibu@tganu.uitm.edu.my](mailto:mujibu@tganu.uitm.edu.my)

Badrul Mohamed

Universiti Teknologi MARA Kedah, Faculty of Administrative Science & Policy Studies  
08400 Merbok, Kedah  
Tel: 60-4-4562485 E-mail: [badmohamed@kedah.uitm.edu.my](mailto:badmohamed@kedah.uitm.edu.my)

Jazimin Zakaria

Universiti Teknologi MARA (UiTMT), Faculty of Administrative Science & Policy Studies  
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia  
Tel: 60-9-8401921 E-mail: [jazim668@tganu.uitm.edu.my](mailto:jazim668@tganu.uitm.edu.my)

### **Abstrak**

*PRU 13 semakin hampir kepada semua parti-parti bertanding. Walaupun Perdana Menteri masih berahsia dan berteka teki akan tarikh sebenar PRU tersebut, tanda-tanda bahawa ianya semakin hampir kuat kelihatan. Antaranya Konvensen BN 2010 dan pertemuan tertutup Datuk Seri Najib dengan kesemua Ahli-ahli Parlimen BN baru-baru ini memberikan indikasi tersebut. Dalam masa yang sama, pengumuman kesiap siagaan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) turut memberi indikasi bahawa pilihan raya akan sedia untuk dilangsungkan pada bila-bila masa sahaja. Dipihak BN, mereka kembali bersemangat setelah kembali memenangi beberapa pilihan raya kecil ditambah dengan momentum perubahan yang di bawa oleh Datuk Seri Najib. Di pihak Pakatan Rakyat pula, mereka akan kembali diuji sebagai kerajaan yang memerintah berbanding sebagai pembangkang sebelumnya. PRU 13 dijangka akan menjadi satu pilihan raya yang sengit dan terbuka apabila kedua-dua parti mempunyai peluang yang seimbang. Persoalannya sejauh mana strategi yang disusun akan selari dengan isu yang dibawa nanti akan diterima rakyat. Artikel ini cuba membincangkan secara ringkas apakah peluang, ruang dan cabaran kepada BN mahupun Pakatan Rakyat dalam PRU 13 nanti. Ia akan cuba menganalisis berdasarkan beberapa isu-isu utama yang berlaku sepanjang 2008-2010.*

**Katakunci: Pilihan Raya, Demokrasi, Politik Baru, Masyarakat Majmuk Pengenalan**

### **1.0 Pengenalan**

Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU 12) sudah hampir tiga tahun berlalu. Kegagalan Barisan Nasional (BN) mempertahankan kemenangan terbesarnya dalam sejarah pilihan raya pada tahun 2004 membawa dimensi baru dalam landskap politik Malaysia. Ramai yang bersetuju keputusan PRU 12 itu sangat mengejutkan. Para pemerhati politik mengandaikan keputusan itu dengan fenomena ‘tsunami’ kerasa sifatnya yang tidak dijangka dan kesannya yang amat dahsyat. Ini

kerana BN buat pertama kalinya hilang majoriti 2/3 dalam Parlimen malah turut hilang 5 kerajaan negeri kepada pakatan pembangkang. Walaupun begitu, BN masih lagi membentuk pemerintahan kerajaan dengan menguasai 140 kerusi parlimen berbanding Pakatan Rakyat yang memiliki 82 kerusi.

Asasnya, ramai yang melihat faktor 'Pak Lah' menjadi penyumbang kepada kegagalan BN itu. Ironinya, faktor itu jugalah yang telah menyumbangkan kemenangan luar biasa BN pada 2004 apabila beliau mengepalai BN dalam pilihan raya sebagai Perdana Menteri. Ternyata, agenda reformasi dan keterbukaan politik yang dibawa oleh beliau ditolak rakyat. Ianya seakan-akan mengulangi sejarah kegagalan '*glasnost*' (keterbukaan) dan '*perestroika*' (reformasi) Mikhail Gorbachev yang bertanggung jawab meruntuhkan penguasaan Parti Komunis ke atas Soviet Union sejak tahun 1922.

Walaupun berbeza nuansa dan dalam konteks politik yang berbeza, situasinya seakan-akan sama apabila keterbukaan dan reformasi Pak Lah tidak dapat diterima oleh masyarakat Malaysia yang dinamik terutamanya golongan kelas menengah yang tempo perkembangannya agak perlahan akibat tekanan ekonomi semenjak ianya tercipta hasil daripada politik pembangunan dan keupayaan kerajaan mencipta kemakmuran ekonomi menerusi ekonomi pasar yang liberal sekitar tahun 1980-an dan 1990-an.

Peralihan pimpinan berlaku pada tahun 2009 selepas Pak Lah tidak lagi berupaya menahan desakan yang menggesanya berundur. Ini menyaksikan Datuk Seri Najib Tun Razak mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-6. Setelah hampir setahun menerajui pemerintahan, ramai yang berpendapat bahawa pilihan raya umum akan sekali lagi diadakan bagi membolehkan beliau mendapatkan mandat baru untuk kepimpinannya. Ini kerana menerusi amalan Perdana Menteri terdahulu, mereka akan membuat pilihan raya baru setelah beberapa bulan mengangkat sumpah jawatan. Namun begitu, Datuk Seri Najib Tun Razak terpaksa menangguk hajatnya itu atas alasan untuk memulihkan kepercayaan rakyat kepada BN.

Menjelang 2011, Pilihan Raya Umum ke-13 semakin kuat diperkatakan. Walaupun hanya Tuhan dan Perdana Menteri sahaja yang mengetahui bilakah tarikh sebenar pilihan raya itu, beberapa peristiwa antaranya Konvensyen BN dan Pakatan Rakyat 2010, penangguhan pemilihan kepimpinan parti-parti komponen BN dan pertukaran Pengerusi Perhubungan UMNO di beberapa negeri memberikan indikasi kuat bahawa PRU-13 semakin menghampiri.

Apapun tarikhnya, parti-parti yang bersaing harus segera mempersiapkan diri menghadapinya. Dalam mempersiapkan parti masing-masing, satu persiapan yang dianggap penting sebelum turun bertarung ialah mencongak dan menilai semula ruang, peluang dan cabaran masing-masing agar strategi yang dipasang mengena. Artikel ini akan cuba menilai ruang, peluang dan cabaran kepada BN mahupun Pakatan Rakyat. Ianya bolehlah dianggap sebagai satu *prelude* sebelum bertemu pilihan raya yang sebenar.

## **2.0 Senario Politik Malaysia Pasca Pru 12: Satu Tinjauan Kritis**

Beberapa perkembangan menarik berlaku selepas PRU-12. Bermula dengan kembalinya '*favorite son*' politik Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam arus politik perdana apabila memenangi semula kerusi lamanya di Permatang Pauh selepas dibebaskan oleh mahkamah atas

tuduhan salah laku seks. Ironinya beliau sekali lagi dikenakan tuduhan yang sama pada tahun 2008 dalam satu lagi kes yang sedang dibicarakan di Mahkamah Persekutuan melibatkan bekas pembantu peribadinya Saiful Bukhari Azlan. Seterusnya landskap politik Malaysia terus diwarnakan dengan 13 siri pilihan raya kecil (PRK) dengan pilihan raya DUN Tenang yang akan datang ini menjadikan angkanya bertambah kepada 14.

Kemenangan Pakatan Rakyat dalam 8 PRK itu berbanding 5 yang memihak BN memberitahu bahawa momentum kemenangan mereka pada pilihan raya umum 2008 diteruskan oleh rakyat. Dipihak BN, walaupun memberikan alasan bahawa kemenangan itu berlaku dalam kubu kuat Pakatan Rakyat, ianya sedikit sebanyak melunturkan semangat BN dalam menghadapi pilihan raya seterusnya.

Beberapa isu nasional seperti pembunuhan Altantuya, kehilangan enjin jet TUDM, skandal pembelian kapal selam Scorpene, 'rampasan kuasa' BN ke atas kerajaan Pakatan Rakyat di Perak, kematian setiausaha politik Exco Selangor Teoh Beng Hock ketika dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memainkan peranan besar dalam kejayaan Pakatan Rakyat memenangi PRK tersebut. Isu-isu tersebut ternyata menjadi senjata ampuh dalam mematahkan percubaan BN untuk menumpaskan Pakatan Rakyat.

Di pihak BN pula, segalanya serba tak menjadi ketika menghadapi PRK itu. Pelbagai strategi diguna dalam mempertahankan dan merampas kawasan yang dipertandingkan tidak begitu mengena. Asasnya, pemilihan calon yang kurang berkredibiliti dan mempunyai latar belakang yang buruk antara penyumbang kepada kekalahan itu. Ini dapat dilihat apabila BN kalah dalam pilihan raya Parlimen Kuala Terengganu, Bukit Gantang, Sibu dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir disebabkan faktor calon yang kurang berwibawa malah mempunyai latar belakang yang hitam. Lebih malang lagi, BN membuat keputusan mengejutkan apabila mengumumkan untuk tidak bertanding dalam PRK Penanti sehingga bekas Naib Presiden PAS, Mohammad Sabu menggelarkan BN sebagai 'Pondan Mengkuang Road' akibat daripada tindakan BN itu.

Sungguhpun begitu, BN masih berupaya mempertahankan kerusinya di DUN Batang Air di Sarawak dan Parlimen Batu Sapi di Sabah. Malah, BN juga boleh turut berbangga berjaya merampas semula Parlimen Kuala Selangor dan DUN Galas daripada Pakatan Rakyat. Walaupun dipertikaikan dengan alasan bahawa kawasan-kawasan tersebut pada asalnya kubu kuat BN, sedikit sebanyak ianya mengembalikan moral BN dan jenteranya untuk kembali bersaing dengan Pakatan Rakyat dalam pilihan raya.

Apapun isu dan peristiwa yang melatari latar belakang pilihan raya-pilihan raya kecil tersebut, sesuatu yang pasti ialah kemunculan generasi pengundi baru Malaysia yang sudah ada pilihan untuk di pilih. Generasi ini semakin matang dan mampu membuat analisis politik yang baik berbanding generasi terdahulu yang sirna dengan propaganda media dan retorik parti pemerintah yang keterlaluan.

Generasi ini membentuk satu budaya politik baru yang kelihatan membudaya dan mengakar dalam senyap. Pembentukan generasi ini berkait rapat dengan proses urbanisasi, peningkatan literasi, kemakmuran ekonomi dan yang penting sekali, akses terhadap maklumat menerusi kepesatan teknologi. Proses evolusi sosial ini telah berlaku sejak 53 tahun merdeka dimana masa

yang panjang ini sudah semestinya merubah cara berfikir generasi itu yang kemudiannya diterjemahkan menerusi tindakan. Globalisasi dan 'dunia tanpa sempadan' yang dicipta menerusi komunikasi teknologi maklumat (ICT) sedikit sebanyak memangkin proses perubahan itu yang secara asasnya juga turut menghakis asas perkauman dalam fahaman politik mereka.

Memahami bahawa politik adalah satu seni bersifat serba mungkin (*politics is the art of possible*), strategi politik juga senantiasa begitu. Strategi politik selalunya wujud seiringan dengan perubahan yang berlaku sama ada dalam bentuk isu, ekonomi mahupun sosial. Justeru itu, kejayaan sesuatu strategi politik dalam sesuatu pilihan raya berkait rapat dengan memahami perubahan ini dalam mempengaruhi sikap politik para pengundi.

Dalam PRU 12, isu semasa dilihat mendahului aspek ekonomi dan sosial dalam mempengaruhi sikap politik pengundi. Premisnya kerana tindakan para pengundi pada PRU 12 secara sistematis digarap berdasarkan kepada kepekaan mereka terhadap isu-isu semasa dimana ianya ternyata membawa keuntungan kepada Pakatan Rakyat. Keupayaan Pakatan Rakyat menstrategikan kempen dan manifesto pilihan raya mereka menerusi orientasi yang menjurus kepada isu-isu semasa, sama ada nasional dan setempat menyumbang kepada kejayaan itu.

Sebaliknya BN masih terus menggunakan politik pembangunan dan perkauman sebagai asas penawaran. Dalam masa yang sama, faktor '*feel good*' yang sentiasa menyebelahi BN setiap kali pilihan raya diadakan hilang ketika PRU12. Asasnya, kenaikan mendadak harga petrol yang mencetuskan kenaikan berantai terutamanya terhadap kos sara hidup ditambah pula dengan desakan isu-isu sejagat dan universal sejajar dengan tuntutan kematangan berpolitik pengundi.

Lazimnya pembinaan strategi politik bersandarkan kepada isu tidak boleh dirangkumkan di bawah satu kelompok yang sama. Ini kerana setiap isu kadang-kadang tidak memenuhi kehendak kaum dan kelas yang berbeza. Dalam konteks Malaysia, kejayaan BN menggunakan isu perkauman dengan menutup isu kelas sedikit sebanyak menyumbang kepada kemenangannya dalam setiap pilihan raya. Tambahan pula, prestasi BN yang berjaya membawa kestabilan ekonomi menerusi elemen kawalan yang ketat menenggelamkan terus kesedaran kelas berbanding perkauman. Akhirnya, kestabilan dan keamanan ini perlahan-lahan membuka ruang kepada pemusatan kuasa yang seterusnya membentuk satu konstruksi masyarakat yang menerima hegemoni kuasa BN tanpa soal.

Sebagai contoh, MCA, GERAKAN dan MIC adalah parti yang paling terkesan dengan keputusan PRU 12. Kekalahan besar parti-parti tersebut banyak disebabkan hilangnya undi 'stabil' dari kaum masing-masing kerana kecenderungan pengundi kaum Cina dan India untuk lebih taktikal berbanding kebiasaannya. Wan Abdul Rahman (dlm. Riduan 2008, p.89-90) melihat ini dari sudut kuasa ekonomi yang dimiliki kaum Cina menjadikan undi mereka 'undi strategik' yang natijahnya berakhir dengan keuntungan berpihak kepada kaum Cina. Dalam hal ini beliau melihat isu HINDRAF yang dikasari pihak polis (yang majoritinya Melayu) dan penjenamaan semula DEB dalam pendekatan 'Najibnomics' (istilah yang digunakan Harvard dalam menerangkan pendekatan ekonomi Datuk Seri Najib Tun Razak) dikaitkan sebagai 'dominasi Melayu' yang menggambarkan bahawa mereka adalah kaum terpinggir yang akur dan patuh pada kekuasaan Melayu.

Dalam konteks ini, Wan Abdul Rahman (2010, p.198) melihat strategi politik selalunya disusun supaya selari dengan isu yang dapat dihadap oleh kelompok yang berbeza. Pertamanya, isu-isu yang menjejaskan akses rakyat kelas pertengahan terutamanya hak asasi manusia, kuasa beli, hak bersuara, *good governance*, keborosan kerajaan, ketelusan sistem kehakiman dan integriti Menteri dan seluruh penjawat awam ditimbulkan sebagai premis penawaran. Kedua, isu-isu yang menjejaskan akses rakyat kelas bawahan terutamanya persoalan peningkatan kos sara hidup, kemiskinan, inflasi dan pengangguran ditonjolkan sebagai strategi dalam memancing undi. Atas pertimbangan bahawa isu lebih efektif menggerakkan perubahan persekitaran politik secara umum, isu juga sebenarnya turut mempengaruhi gerak kerja jentera parti, malah sekiranya distrategi dengan baik, ianya mampu mencipta 'gelombang' politik dan sekaligus mempengaruhi pengundi atas pagar untuk melakukan perubahan.

Daripada analisis di atas, empat faktor utama dilihat menjadi asas cabaran kepada parti-parti bertanding dalam PRU 13, pertama, isu perkauman tidak lagi menjadi dominan tetapi isu-isu yang lebih bersifat universal dalam strategi percaturan. Kedua, isu yang bersifat kelas lebih mempengaruhi sikap pengundi apatah lagi itu tersebut mencetuskan 'gelombang'. Ketiga, perubahan generasi yang membentuk satu budaya politik baru bersifat *punitive* (menghukum) dan rasional. Terakhirnya, akses kepada maklumat yang sangat mudah akibat ledakan teknologi maklumat telah menjana pemikiran yang agak liberal, kritis dan *selective* (memilih) berbanding sebelumnya.

### **3.0 Menuju PRU 13: Cabaran, Peluang dan Ruang**

Tidak dinafikan bahawa PRU 13 yang bakal tiba ini amat sukar diramalkan. PRU 12 memperlihatkan kematangan pengundi yang secara senyap menggunakan haknya menghukum BN. Premisnya berbeza berbanding dengan fenomena 1999 apabila rakyat menzahirkan bantahan terhadap tindakan pemerintah menerusi demonstrasi jalan yang dikenali sebagai gerakan reformasi. Pada PRU 12, dalam kesuraman kempen ditambah dengan kenyataan Lim Guan Eng sebagai 'semut melawan gergasi' menggambarkan ketidak yakinan Pakatan Rakyat dalam menghadapi PRU tersebut. Siapa sangka, rupa-rupanya rakyat sudah bersedia lantas menunjukkan kuasanya.

Pilihan raya selalunya menunjukkan bahawa dalam politik segalanya adalah serba mungkin. Walaupun wujud politik baru, ianya tidak membenarkan setiap pemain politik untuk membuang terus elemen politik lama. Sentimen perkauman yang masih menebal perlu ditangani dengan bijak oleh setiap parti politik. Dalam struktur masyarakat Malaysia yang bersifat berseghmen, amat sukar untuk membentuk kerajaan kerana kekangan daripada kelompok kaum yang memiliki kekuatan yang sama, pendapat yang berbeza, amat kuat mempertahankan nilai kelompok masing-masing dan ketika pilihan raya undinya menjadi sama banyak (Mujibu 2009, p.3). Perkara sedemikian mungkin tidak akan berlaku sekiranya dilihat dari perspektif Melayu, Cina dan India. Hakikatnya, ianya bermasalah apabila sering diterjemah menerusi Melayu vs. bukan Melayu (Bumiputra vs. bukan Bumiputera).

Memandang dari sudut ruang dan peluang, gagasan 'Satu Malaysia' dilihat sebagai satu proses nyah-kaum (*de-communalism*) yang senantiasa dilabel kepada BN. Kepimpinan Datuk Seri Najib cuba memperlihatkan dirinya sebagai Perdana Menteri kepada semua kaum apabila gagasan Satu Malaysia diteruskan dengan pelbagai program seperti Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan

Transformasi Ekonomi (ETP), liberalisasi ekonomi malah membuka BN ke arah keahlian secara terbuka. Namun begitu, ada sebahagian program beliau yang seakan-akan disasarkan kepada kaum tertentu. Sebagai contoh, lawatan beliau ke China sempena ulang tahun ke-35 hubungan Malaysia-China dan menjemput rakan sejawatnya dari India, Manmohan Singh melancarkan projek 'Little India' di Brickfields dilihat sebagai percubaan Najib untuk mendapatkan semula kepercayaan kaum Cina dan India sekaligus memberikan legitimasi kepada kepimpinannya.

Cabaran terbesar buat Datuk Seri Najib dalam pendekatan populis beliau itu sebenarnya datang dari kalangan orang-orang yang hampir dengan beliau. Ini dilihat apabila kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin disalah anggap sebagai bersifat *racist* dan tidak selari dengan semangat Satu Malaysia anjuran ketuanya. Kenyataan beliau bahawa beliau "tetap Melayu dulu, Malaysia kemudian" dalam sidang Dewan Rakyat seolah-olah menggambarkan bahawa BN tidak serius dalam melakukan transformasi yang dijanjikan.

Dalam masa yang sama, desakan parti komponen kedua terbesar dalam BN, MCA menerusi Presidennya, Datuk Seri Chua Soi Lek yang mahu UMNO supaya tidak bersikap 'big brother' dalam BN dan menuntut agar perkataan 'ketuanan Melayu' tidak digunakan dikalangan pemimpin UMNO turut mencatatkan proses nyah-kaum dalam BN. Desakan tersebut dibuat secara mengejut ketika Konvensyen BN sedang berlangsung. Walaupun konvensyen itu dijalankan di Dewan San Choon milik MCA berbanding kebiasaannya di PWTC (milik UMNO), dengan Najib sedaya upaya menggunakan pelbagai bahasa dan dialek pelbagai kaum yang mendukung BN, ianya tidak menghalang Chua Soi Lek untuk mengemukakan tuntutan secara terbuka di hadapan UMNO dan 13 parti komponen yang lain.

Dua perkara ini harus segera diurus dan dikawal secara berhemah. Kegagalan mengurus dan mengawal perkara sebegini akan memberi ruang kepada Pakatan Rakyat untuk mempersendakan BN. Dalam masa yang sama, ianya dikhuatiri turut disalah tafsir oleh penyokong masing-masing yang akhirnya menimbulkan kecurigaan yang menghakis kerjasama dan seterusnya memperlahankan jentera masing-masing. Di pihak rakyat pula, ianya seolah-olah memberi gambaran bahawa BN tidak bersedia untuk keluar dari kepompong perkauman walaupun membawa gagasan tersebut sebagai satu agenda nasional.

Di pihak Pakatan Rakyat, tempoh masa yang singkat untuk menunaikan janji dan tuntutan manifesto dilihat menjadi masalah utama. Beberapa negeri seperti Selangor, Kedah dan Pulau Pinang masih lagi mempunyai baki manifesto yang belum dijelaskan. Asakan berterusan media pemerintah dalam mensensasikan beberapa isu seperti bantuan banjir di Kedah, isu wang bantuan hasil perjudian di Pulau Pinang, kemelut perlantikan SUK di Selangor sedikit sebanyak boleh mengugat kerajaan Pakatan Rakyat.

Pakatan Rakyat tidak harus berterusan menggunakan isu-isu sejagat dalam strategi politiknya menjelang PRU 13. Ini kerana, posisi mereka sebagai kerajaan memerintah menjadikan mereka sebagai 'orang yang diadili' berbanding sebelumnya. Keputusan PRU 12 yang memihak kepada mereka memberikan indikasi bahawa undi yang diterima ketika itu adalah disebabkan undi protes terhadap ketidak cekapan kerajaan dalam menangani masalah rakyat terutamanya berkaitan harga barang dan kos sara hidup. Dalam situasi ini, 'mikroskop' rakyat itu lebih menumpu kepada prestasi mereka sebagai kerajaan dan sudah tentu akan dibandingkan dengan kerajaan BN sebelumnya.

Mengambil kira bahawa PRU 13 yang akan datang ini, dua perkara ini mungkin menjadi penentu kepada kemenangan dan kekalahan parti-parti yang bertanding. Mengambil kira bahawa PRU 13 akan berlangsung dalam suasana yang aman tanpa gelombang isu besar seperti PRU 10 dan 12, faktor Perdana Menteri dan prestasi kerajaan Pakatan Rakyat dijangka akan memainkan peranan dalam strategi berkempen. Asasnya, sekiranya faktor sejarah diambil kira selalunya Perdana Menteri baru sering menerima undi yang tinggi apabila buat pertama kalinya mereka mengepalai pilihan raya. Tun Abdul Razak menguasai 87.66 peratus kerusi di parlimen pada tahun 1974, Tun Dr. Mahathir mendapat 85.71 peratus pada tahun 1982, malah Tun Abdullah Ahmad Badawi mencatatkan kemenangan terbesar BN pada tahun 2004 dengan menguasai 93.21 peratus kerusi di Parlimen.

Mungkin faktor 'baru' dan 'beri peluang' memainkan peranan dalam kemenangan tersebut. Walaupun Najib mengambil masa yang agak lama untuk mengumumkan pilihan raya dan sedikit sebanyak menghilangkan seri Perdana menteri baru berbanding yang sebelumnya, tidak dinafikan usaha-usaha Najib menerusi pendekatan Satu Malaysia, ETP, GTP malah bersila menonton bolasepak dan makan di Majlis Kenduri Rakyat di Kedah baru-baru ini mungkin mampu membeli jiwa pengundi.

Di pihak Pakatan Rakyat, sememangnya prestasi mereka sebagai kerajaan menjadi kayu ukur dalam pilihan raya nanti. Bagi PKR mahupun DAP, mereka akan tampil pada pilihan raya ini sebagai kerajaan berbanding sebelumnya. Sementara itu PAS yang sudah berpengalaman sebagai kerajaan sejak tahun 1990 di Kelantan akan cuba mempertahankan Kedah sepertimana mereka cuba mempertahankan Terengganu pada tahun 2004. Cabaran utama Pakatan Rakyat tentunya terhadap prestasi dan memenuhi janji kepada rakyat. Kecekapan pengurusan, ketelusan pentadbiran, urus tadbir ekonomi yang baik dan memenuhi kebajikan rakyat akan menjadi angkubah penilaian rakyat kepada mereka. Asasnya, posisi mereka sebagai kerajaan akan menjadikan mereka lebih terbuka kepada serangan berbanding sebelumnya sebagai pembangkang.

#### **4.0 Kesimpulan**

PRU 13 sememangnya dijangka sukar dan sengit. Perubahan generasi yang peka kepada isu menjadikan pengundi seolah-olah ada sesuatu untuk dipilih. Tambahan pula, pengundi pada kali ini kelihatan matang dan mampu menganalisis dengan baik. Justeru itu, parti-parti yang bertanding seharusnya memikirkan semula strategi masing-masing agar penawaran yang dibuat diterima oleh pengundi.

Cabaran politik baru sememangnya sekali lagi akan menguji parti-parti yang bertanding. Empat asas politik baru itu; kemunculan politik universal menggantikan politik perkauman, peningkatan kesedaran kelas menerusi isu sejagat, kemunculan generasi baru yang bersikap menghukum serta rasional dan yang terakhir, ledakan maklumat dan kecanggihan berkomunikasi akan sekali lagi berfungsi menentukan jatuh bangun sesebuah parti.

Tidak dinafikan ada usaha-usaha pembaharuan yang dilakukan BN untuk kembali diterima rakyat. Dalam masa yang sama, Pakatan Rakyat dijangka akan menghadapi cabaran yang lebih sengit untuk mempertahankan kemenangan mereka berbanding merampasnya dari BN.

Sekiranya merujuk kepada sejarah, momentum kemenangan pembangkang selalunya sukar untuk diteruskan dalam dua pilihan raya berturut-turut, apatah lagi sekiranya berhadapan dengan Perdana Menteri baru. Terengganu 2004 merupakan kes terbaik untuk menunjukkan hal tersebut.

Apapun, ruang, peluang dan cabaran untuk setiap parti-parti yang bertanding senantiasa ada dan terbuka. Yang penting, kebijaksanaan parti dalam mencaturkan strategi harus selari dengan kehendak rakyat. Ini kerana, asas berpolitik seharusnya mendukung aspirasi rakyat selaras dengan konsep demokrasi yang dilaungkan oleh Abraham Lincoln “kerajaan rakyat, dari rakyat dan untuk rakyat”.

## Rujukan

- Ahmad Atory Hussain. (2009). *Politik Melayu di Persimpangan Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Ahmad Nidzamuddin Sulaiman. (2002). Budaya Politik Dalam Masyarakat Majmuk Malaysia. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamad (pnyt.) *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Badrul Azmier Mohamed @ Bakar. (2008). Lima Puluh Tahun Dominasi Barisan Nasional Dalam Politik Malaysia: Suatu Analisis dlm. Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib dan Abdul Kadir Rosline (pnyt.) *Prosiding Seminar Politik Malaysia Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12*. Shah Alam: UPENA.
- Ghazali Mayudin. (1999). Pengundi dan Identifikasi Parti. Dlm. Ghazali Mayudin (pynt.) *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya Dalam Konteks Malaysia*. Bangi: Jabatan Sains Politik UKM.
- Mujibu Abd Muis. (2009). Politik Permuafakatan: Satu Analisa Terhadap Amalan Politik di Negara-negara Bermasyarakat Majmuk. *Voice of Academia, Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah, Vol. 4 No. 2 (p.1-20)*.
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj Hussin & Badrul Azmier Mohamed. (2010). Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12 Dlm. Mohd. Azizuddin Sani & Abdul Rahman Abdul Aziz (pnyt.) *Prosiding Seminar on Nasional Resilience Political Managements and Policies in Malaysia*. UUM: IPDM.
- Puthuchear, M. (2010). Creating Conditions for a genuine Two-Party System to Emerge: Success and Challenges Dlm. Tricia Yeoh (pnyt.) *The Road to Reform Pakatan Rakyat in Selangor*. Petaling Jaya: SIRD.
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif. (2002). Demokrasi di Malaysia: Antara Persaingan dan Perwakilan. Dlm. Ghazali Mayudin (pnyt.) *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*, hlm. 25-38. Bangi: Penerbit UKM.



Wan Abdul Rahman. (2008). Tsunami Politik: Masyarakat India dan Pilihanraya Umum Ke 12. Dlm. Riduan Mohamad Nor *Analisis Pilihanraya Umum Ke-12 Makkal Sakti*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

Wan Abdul Rahman. (2010). *Teori Domino: PRU 13 BN Tumbang*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.